

▼13/01/18-23MST

U CB 13-01 00213 BB550

BAH

Mahathir - Pelancongan

KEDAH AKAN JADI PUSAT PELANCONGAN UNGGUL DI NEGARA INI

ALOR SETAR 13 Jan (Bernama) -- Kedah akan muncul sebagai sebuah pusat pelancongan terunggul di negara ini apabila siapnya dua projek pelancongan raksasa yang menelan belanja beribu juta ringgit kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini

Ketika mengumumkan kedua-dua projek itu Dr Mahathir berkata satu daripada projek itu ialah Taman Antarabangsa Jerai di Tanjung Dawai dan sebuah lagi ialah Taman Pertanian di Tanjung Puteri di Daerah Kuala Muda. Kedua-dua projek berkenaan yang terletak di kawasan berhampiran dengan laut itu ialah usahasama antara kerajaan dan pihak swasta tempatan katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Exco Kerajaan Negeri dan para pegawai Daerah negeri Kedah di Wisma Darul Aman di sini.

Perdana Menteri berkata keseluruhan kawasan bagi Taman Antarabangsa Jerai ialah seluas 2 400 hektar dan fasa pertamanya akan menelan belanja RM2 000 juta. Keseluruhan projek itu akan dibina dalam empat fasa dan ia, dijangka siap sepenuhnya dalam masa 16 tahun. Setiap fasa dijangka dapat disiapkan dalam masa empat tahun.

Taman Pertanian di Tanjung Puteri pula akan dibina di kawasan seluas 400 hektar dan menelan belanja RM300 juta dan dijangka siap sepenuhnya dalam masa enam tahun katanya -- Lagi

▼13/01/18-08MST

U GB 13-01 00158 BB551

BAH

Mahathir - Pelancongan 2 (Akhir) Alor Setar

Perdana Menteri berkata Taman Antarabangsa Jerai akan terletak di kawasan yang meliputi kampung Singkir, Tanjung Dawai dan Gunung Jerai dan dimajukan sebagai sebuah kawasan pelancongan berkonsep.

Ia akan mempunyai sebuah perkampungan budaya antarabangsa yang akan turut mempamerkan kebudayaan negara lain katanya.

Selain itu tempat penginapan dan beberapa kemudahan pelancongan lain akan turut dibina di kawasan berkenaan kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kedua-dua projek itu akan dijalankan secepat mungkin selepas Perjanjian Usahasama antara kerajaan dan pihak swasta yang akan mengusahakan projek itu ditandatangani akhir bulan ini.

Kita akan mengawasi pelaksanaan kedua-dua projek itu kerana ia akan dijalankan secara berperingkat-peringkat dan juga bagi menentukan syarikat yang mengusahakan projek itu berkemampuan untuk melaksanakannya katanya.

Katanya syarikat yang akan mengendalikan kedua-dua projek itu ialah sebuah syarikat tempatan dan mereka juga mungkin ingin mendapatkan penyertaan dari negara asing -- Bernama

AMJ KAM

▼13/01/18-10MST